

06/02/1998

Bayaran hotel hanya dalam ringgit

KERAJAAN menetapkan kadar sewa hotel untuk Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI mestilah dalam ringgit dan bukan dalam dolar Amerika seperti yang dicadangkan sebelumnya.

Keputusan itu diumumkan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, dalam sidang akhbar di pejabatnya selepas mesyuarat Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Dalam mesyuarat itu, Majlis diberi taklimat oleh Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, yang memberi jaminan kadar sewa yang dikenakan adalah munasabah.

"Saya masih menunggu laporan rasmi mengenai harga yang dicadangkan," kata Muhyiddin.

"Ketika perjanjian dibuat dengan pengusaha hotel tahun lalu, bayaran untuk bilik hotel ditetapkan dalam dua nilai, iaitu ringgit dan dolar, tetapi kerajaan memutuskan bahawa ia harus dibayar dalam ringgit.

"Tan Sri Hashim memberi jaminan bahawa harga yang dikenakan untuk sewa bilik adalah munasabah."

Kadar sewa bilik hotel untuk Sukan Komanwel mendapat perhatian apabila harga yang dicadangkan agak tinggi serta disebut dalam dolar Amerika, sekali gus membawa implikasi beberapa negara Komanwel mungkin menghadapi masalah untuk membiayai kos itu.

Urusan penyediaan penginapan bilik hotel untuk Sukan Komanwel diuruskan oleh Biro Penginapan Sukom '98 (SAB '98).

Selasa lalu, Penyelaras Projek SAB '98, John Eades, berkata kadar sewa bilik hotel sempena Sukan Komanwel, September ini mungkin tinggi kerana ia dalam mata wang dolar Amerika yang nilainya kini melambung berbanding ringgit.

Menurutnya, semua kontrak dua tahun lalu dengan hotel yang menawarkan bilik penginapan adalah dalam dolar tapi penganjur sedang berunding dengan pengusaha hotel bagi menetapkan kadarnya dalam ringgit.

Lebih 70 hotel terdapat dalam senarai SAB '98, yang menawarkan antara 8,000 hingga 9,000 bilik di Kuala Lumpur dan Langkawi dengan tarif di antara AS\$50 (RM200) semalam untuk bilik standard dan AS\$1,950 (RM7,800) untuk penthouse.

Biro itu dikendalikan Byrom Consultants Ltd yang menyediakan bilik-bilik untuk pengusaha pelancongan, penyiar, penaja, wakil CGF, media, orang kenamaan dan pegawai.

"Kita akan adakan perbincangan semula mengenai kadar sewa itu dan berharap Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat mengadakan perjumpaan dengan pengusaha hotel untuk menyelesaikan perkara ini," kata Muhyiddin.

(END)